

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : YB. DR. LEE BOON CHYE
KAWASAN : GOPENG

SOALAN:


YB. DR. LEE BOON CHYE (GOPENG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan penjajaran ('alignment') serta tol-tol yang dicadangkan untuk Lebuhraya Pantai Barat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lebuhraya Pantai Barat (WCE) sepanjang 316km bermula dari Banting, Selangor (persimpangan Jalan Banting – KLIA B18) melalui Kapar – Tanjung Karang – Hutan Melintang – Telok Intan dan seterusnya berakhir di Taiping, Perak iaitu di Plaza Tol Changkat Jering, Lebuhraya Utara Selatan (PLUS). Peta jajaran WCE itu ialah seperti di **Lampiran**. Lokasi Lebuhraya ini akan melaksanakan sistem kutipan tol secara tertutup untuk laluan yang dibina oleh syarikat konsesi (233km) iaitu dari Banting – Tanjung Karang; dan dari Jambatan Sungai Bernam ke Taiping, Perak. Berdasarkan perancangan terdapat 21 plaza tol yang akan dibina, iaitu 10 di negeri Selangor dan 11 plaza tol lagi di negeri Perak.

Sekian, terima kasih.



Peta Jajaran Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE)